

12.7.2022

Kenyataan Media
oleh DATO' IR. JASENI MAIDINSA
CEO, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP).

BEKALAN AIR PULIH UNTUK SEMUA 660,000 PENGGUNA AIR BERDAFTAR DI PULAU PINANG

- **PBAPP telah memulihkan bekalan air kepada semua pengguna air berdaftar Pulau Pinang.**

PULAU PINANG, Selasa, 12.7.2022: Bekalan air untuk semua 660,000 pengguna Pulau Pinang telah dipulihkan, setakat jam 11.00 malam, 11.7.22.

Pengeluaran air terawat di Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua, telah dioptimumkan. LRA ini kini menghasilkan purata 988 JLH (juta liter air terawat sehari).

Oleh itu, sebahagian besar isu bekalan air sedia ada adalah berkaitan terutamanya dengan infrastruktur pengagihan air Pulau Pinang, yang merangkumi 4,696 km saluran paip (100mm ke atas), 59 kolam air terawat, 42 menara air terawat dan 95 rumah pam penggalak.

Oleh itu, PBAPP menumpukan pada memperbetulkan isu seperti saluran paip bocor atau pecah, melepaskan “sendat udara” saluran paip, memulakan semula dan membaiki stesen pam dan membersihkan kedudukan meter yang tersumbat.

PBAPP memohon pengguna air yang masih terkesan untuk:

1. Semak kemas kini kerja-kerja pembaikan paip berhampiran kawasan mereka melalui hantaran di laman FB PBAPP.
2. Semak dengan syarikat pengurusan bangunan atau hartanah mereka jika terdapat isu yang berkaitan dengan sistem pam dalaman.

3. Buat laporan rasmi dengan menghubungi Pusat Panggilan 24 Jam PBAPP (no. telefon 04 2558255). PBAPP hanya boleh memberi respons secara berkesan kepada laporan rasmi yang mempunyai butiran pengguna air, lokasi dan masa.

PBAPP akan terus mengeluarkan siaran media dan hantaran kemas kini FB untuk memastikan pengguna air Pulau Pinang sentiasa menerima informasi.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Email : syarifah@pba.com.my